



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

Dokumen Penjajaran Kurikulum

BAHASA MELAYU

Sekolah Kebangsaan

TAHUN 4

EDISI 2

KATA PENGANTAR



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penjajaran kurikulum selaras dengan pengumuman pembukaan semula sekolah berdasarkan Takwim Persekolahan 2020 yang dipinda. Pada ketika itu, Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah diujicajakan bagi tujuan kegunaan pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Susulan penutupan semula sekolah sepenuhnya mulai 9 November 2020, sekolah telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) sehingga hari terakhir persekolahan bagi tahun 2020. Meskipun guru telah berusaha untuk melaksanakan PdPR, namun masih terdapat cabaran dari aspek pelaksanaannya yang akan memberi implikasi terhadap pembelajaran murid pada tahun 2021. Sehubungan dengan itu, KPM telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 bagi tahun 2021.

Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 merupakan usaha KPM bagi membantu guru untuk memastikan kelangsungan pembelajaran murid dilaksanakan. Kurikulum yang diujicajakan ini bukanlah

kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR serta ditambah baik daripada dokumen penjajaran kurikulum sebelumnya. Kandungan kurikulum disusun berdasarkan kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala, kandungan tambahan dan pelengkap perlu diajar bagi menyokong keseluruhan pembelajaran sesuatu mata pelajaran yang boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran.

Harapan KPM agar guru dapat terus merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pada tahun 2021 dengan lebih berkesan. KPM juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan kurikulum yang diujicajakan.

DR. LATIP BIN MUHAMMAD

Timbalan Pengarah Kanan
(Kluster Dasar dan Sains & Teknologi)
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR			
1.1 Mendengar dan memberikan respons semasa berkomunikasi dalam situasi formal dan tidak formal.	1.1.1 Mendengar, mengecam sebutan, menyebut sesuatu yang diujarkan semula dalam situasi tidak formal.		
	1.1.2 Mendengar, memahami dan memberikan respons terhadap ujaran yang terdapat dalam situasi tidak formal.		
	1.1.3 Mendengar, mentafsir, dan memberikan respons terhadap soalan secara kritis.		

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
1.2 Bertutur untuk menyampaikan maklumat dan idea bagi pelbagai tujuan.	1.2.1 Bertutur untuk menilai, dan memberikan alasan tentang sesuatu perkara secara bertatasusila mengikut konteks.		
	1.2.2 Menjelaskan dan membanding beza maklumat tersurat dan tersirat dengan menggunakan idea yang kritis dan kreatif.		
	1.2.3 Bersoal jawab untuk mendapatkan penjelasan.		
1.3 Bercerita, dan menceritakan perkara yang didengar, ditonton dan dibaca dengan sebutan dan intonasi yang betul.	1.3.1 Bercerita dengan sebutan dan intonasi yang sesuai.		

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
	1.3.2 Menceritakan sesuatu bahan yang ditonton dengan sebutan dan intonasi yang sesuai.		
KEMAHIRAN MEMBACA			
2.1 Asas membaca dan memahami	2.1.1 Membaca dan memahami petikan dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.		
2.2 Membaca, memahami, dan menaakul bahan multimedia.	2.2.1 Membaca dan memahami bahan grafik daripada multimedia untuk membuat gambaran.		

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
2.3 Membaca dan mengapresiasi karya sastra dan bukan sastra.	2.3.1 Membaca dan menganalisis kandungan teks karya sastra, dan karya bukan sastra.		
	2.3.2 Membaca karya sastra, dan karya bukan sastra dengan gaya penyampaian yang sesuai.		
KEMAHIRAN MENULIS			
3.1 Asas menulis.			3.1.1 Menulis secara mekanis dengan menggunakan tulisan berangkai dalam bentuk ayat.

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
3.2 Menulis perkataan, frasa, dan ayat yang bermakna.	3.2.1 Membina dan menulis ayat, dan perenggan daripada bahan multimedia.		
	3.2.2 Menghasilkan jawapan pemahaman berdasarkan soalan bertumpu dan bercapah secara kritis dan kreatif.		
	3.2.3 Menganalisis dan mencatat maklumat tentang sesuatu perkara yang dirujuk.		
	3.2.4 Menulis ayat dalam perenggan yang diimplakkan.		

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
3.3 Menghasilkan penulisan	3.3.1 Menulis draf dan menghasilkan penulisan imaginatif dan deskriptif.		
	3.3.2 Mengedit dan memurnikan ayat daripada aspek ejaan, tanda baca dan penggunaan imbuhan.		
ASPEK SENI BAHASA			
4.1 Mengaplikasikan unsur keindahan dan kesantunan bahasa dalam bahan sastera.			4.1.1 Bercerita dan mengujarkan dialog yang mengandungi peribahasa.

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
4.2 Menghayati keindahan dan kesantunan bahasa dalam bahan sastra.			4.2.1 Melafazkan dan menjelaskan maksud sajak.
			4.2.2 Menyanyikan lagu mengikut irama lagu rakyat, dan menjelaskan maksud lirik lagu.
4.3 Menghasilkan bahan sastra dengan menyerapkan keindahan dan kesantunan bahasa serta mempersembahkan secara kreatif.			4.3.1 Mengubah suai puisi secara berpandu, dan mempersembhkannya secara kreatif.
			4.3.2 Mengubah suai cerita secara berpandu, dan mempersembhkannya secara kreatif.
			4.3.3 Mengubah suai seni kata lagu, dan mempersembhkannya secara kreatif.

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
4.4 Mengaplikasikan, menghayati dan menghasilkan unsur keindahan dalam seni tulisan jawi.			4.4.1 Mengenal, mengecam, dan menyebut huruf tunggal yang ditulis mengikut tulisan jawi dalam simpulan bahasa dan mempersembahkannya.
			4.4.2 Mempersembahkan keindahan seni tulisan jawi melalui simpulan bahasa.
ASPEK TATABAHASA			
5.1 Memahami dan menggunakan golongan kata mengikut konteks.		5.1.1 Memahami dan menggunakan kata nama mengikut konteks tidak formal; <ul style="list-style-type: none"> (i) kata nama am (ii) kata nama khas (iii) kata ganti nama (iv) penjodoh bilangan 	

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
		5.1.2 Memahami dan menggunakan kata kerja mengikut konteks; <ul style="list-style-type: none"> (i) kata kerja aktif – transitif dan tak transitif (ii) kata kerja pasif 	
		5.1.3 Memahami dan menggunakan kata adjektif mengikut konteks. <ul style="list-style-type: none"> (i) cara (ii) perasaan (iii) pancaindera (iv) waktu 	
		5.1.4 Memahami dan menggunakan kata tugas mengikut konteks. <ul style="list-style-type: none"> (i) kata hubung (ii) kata sendi nama 	

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
		(iii) kata nafi (iv) kata bilangan	
5.2 Memahami dan menggunakan bentuk kata mengikut konteks.		5.2.1 Memahami dan menggunakan kata berimbuhan mengikut konteks; (i) kata berimbuhan awalan (ii) kata berimbuhan akhiran (iii) kata berimbuhan apitan	
		5.2.2 Memahami dan menggunakan kata majmuk mengikut konteks; (i) kata majmuk bebas (ii) kata majmuk mantap	

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
		5.2.3 Memahami dan menggunakan kata ganda mengikut konteks. (i) kata ganda penuh (ii) kata ganda separa.	
5.3 Memahami dan membina ayat mengikut konteks.		5.3.1 Memahami dan membina pelbagai ayat tunggal dan majmuk mengikut konteks.	
		5.3.2 Memahami dan membina pelbagai jenis ayat mengikut konteks; (i) ayat penyata (ii) ayat tanya	

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
		5.3.3 Memahami dan membina ayat aktif.	
		5.3.4 Memahami dan membina ayat susunan biasa dan susunan songsang.	

- Guru disarankan agar mengutamakan SP pada ruang ASAS terlebih dahulu sebagai SP fokus. Kemudian diikuti dengan SP pada ruangan TAMBAHAN dan disusuli dengan SP pada ruangan PELENGKAP.
- Sewaktu proses PdP berlaku, penggabungjalinan kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis perlu diberi keutamaan, kemudian diikuti dengan gabung jalin aspek tatabahasa dan disusuli dengan aspek seni bahasa.
- Guru juga boleh memilih urutan SP mengikut kesesuaian dan tahap kemampuan murid.

**Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917**